

DOSA

T
a
z
k
i
r
a
h

Setiap kita melakukan dosa. Dosa daripada perlakuan maksiat dan munkar yang bermacam-macam. Dosa dari hati yang lalai, lidah yang menjarah, panca indera yang melanggar dan merempit, bahkan sikap dan akhlak kita yang jengkil. Kita berdosa kerana kita adalah manusia. Setiap manusia mesti berdosa. Jika tidak kerana dimaksumkan oleh Allah, para anbiya' juga berdosa. Mereka juga manusia.

Tetapi dosa adalah penyakit yang menyerang manusia. Kerananya manusia menjadi lemah dan mati. Ia mesti dibuang sesegeranya sebelum ia menjalar dan merebak lalu mencetus penyakit yang lebih parah. Ia kuman yang sesetengahnya boleh membunuh.

Dosa juga adalah keaiban dan kehinaan. Ia mesti ditutup. Ia mesti tidak didedahkan. Apabila ia terdedah atau didedahkan, ia akan merendahkan kedudukan tuannya di mata manusia yang beriman, apatah di mata manusia yang berpenyakit yang seronok penyakitnya menjangkiti orang lain pula. Dia mungkin kehilangan thiqah dan kepercayaan orang lain kepadanya.

Kerana itu dosa mestilah dijauhi dan dielakkan. Jika berlaku dosa, ia mesti dibuang sesegeranya. Jika ada dosa, ia mesti ditutup dan disembunyikan daripada pandangan manusia seluruhnya.

Jauhilah dosa dengan sifat taqwa. Hilangkanlah dosa dengan taubat. Sembunyikanlah dosa dengan sitrah / penutup.

Maka tanamkanlah dan bajailah sifat taqwa, nescaya kita tidak mudah berdosa kerana taqwa mendorong kita membenci dosa dan menyukai ketaatan.

Segeralah bertaubat dan beristigfar. Ia bagai angin kuat yang menggugurkan dedaun kering dari rantingnya. Ia lalu memucukkan daun yang lebih segar dan menghijau.

Tutuplah dosa diri dengan tidak melakukannya secara terang-terangan dan bisukanlah lidahmu daripada menceritakan dosa dan aib yang engkau lakukan secara sendirian.

Bersyukurlah kerana dikurniakan taqwa yang terlalu didamba orang beriman. Bersyukurlah kerana dimudahkan bertaubat daripada dosa yang mengeraskan hati dan jiwa. Bersyukurlah kerana disembunyikan dosa diri daripada pengetahuan manusia.

Besarnya kasih sayang Allah kepada kita kerana betapa banyaknya dosa kita ditutupNya daripada penglihatan manusia. Bodohnya kita apabila mendedahkan dosa dan aib yang telah ditutupi Allah dengan sitrahNya kepada manusia.

Apabila Allah ingin menghukum hambanya di dunia, didedahkan keaibannya dan perlakuan jahatnya kepada seluruh manusia, lalu runtuhlah segala maruah diri yang dibina. Murkanya Allah pada manusia yang membuka aibnya sendiri selepas ditutupiNya. Tidak sama dosa terang - terangan dengan dosa yang dilakukan secara sembunyi.

Doa Rasulullah, "Tuhanku, ampunilah dosa kami, tutuplah keaiban kami dan janganlah dibiar musuh kami memperlekehkan kami."

Betullah kata-kata ulama, jikalau dosa itu berbau, nescaya ku tak mampu keluar rumah kerana malu busuk tubuhku dikesani orang kerana dosa-dosaku...